

Headline	<b>FRIM tidak wajar diletakkan di bawah MTIB</b>		
Date	<b>24. Jun 2009</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Page No	<b>25</b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Article Size	<b>129 cm2</b>
Circulation	<b>238082</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>833287</b>	Color	<b>Black/White</b>
		AdValue	<b>1692.64</b>



## FRIM tidak wajar diletakkan di bawah MTIB

KUALA LUMPUR 23 Jun – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) tidak wajar diletakkan di bawah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) kerana fungsi dan skop tugasnya tidak sama.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod berkata, institut itu mempunyai skop, fungsi serta tanggungjawab jauh lebih luas untuk diletakkan di bawah MTIB.

“FRIM yang dahulunya dikenali sebagai Forest Research Institute (FRI) ditubuhkan lebih 100 tahun dalam melaksanakan pelbagai aktiviti penye-

lidikan dan pembangunan (R&D).

“Ia merupakan kajian hulu dan hiliran sektor perhutanan termasuk industri perkayuan manakala, MTIB hanya memfokuskan kepada pemasaran produk kayu-kayan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainuddin mengenai FRIM yang perlu diletakkan di bawah MTIB, baru-baru ini.

Abdul Latif berkata, fungsi dan peranan FRIM telah berkembang dari

penyelidikan industri perkayuan hingga penjagaan alam sekitar, kepelbagaian biodiversiti dan perubahan iklim.

Selain itu, FRIM juga mencetus penajaan sumber ekonomi baru melalui R&D dalam bidang ekopelancongan, penemuan bahan ubatan dan bioteknologi hutan.

Tambah beliau, FRIM sejak penubuhannya telah bekerjasama rapat dengan MTIB ketika di bawah Kementerian Perusahaan Utama mahupun ketika diuruskan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sejak 2004.

Jelas beliau, semua aktiviti dan hampir keseluruhan jawatankuasa MTIB termasuk anak syarikat MTIB iaitu Forest Plantation Sdn. Bhd. (FPSB) turut disertai oleh FRIM.

Bahkan, katanya, di peringkat Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, FRIM turut memainkan peranan penting dalam memberikan input teknikal yang diperlukan.

“Ini menunjukkan FRIM dan MTIB mempunyai kerjasama erat sejak dahulu, dan kerjasama ini akan terus dirapatkan walaupun kini di bawah kementerian yang berbeza,” katanya.